

06 JAN 1997

TIGA ORGANISASI TERIMA ANUGERAH KUALITI PM

KUALA LUMPUR, 6 Jan (Bernama) -- Tiga organisasi masing-masing daripada sektor awam, sosio-ekonomi dan swasta dipilih untuk menerima Anugerah Kualiti Perdana Menteri 1996 hari ini.

Organisasi itu ialah Institut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit Malaysia (PORIM), Koperasi Anggota Kerajaan Ipoh Berhad dan Solectron Technology Sdn Bhd.

Mereka menerima anugerah berkenaan daripada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada satu majlis di sini hari ini.

Anugerah itu termasuk hadiah wang tunai RM30,000, piala dan sijil penghargaan. Selain itu, organisasi sektor awam juga boleh menggunakan simbol "Q" dan mencetak kenyataan (Pemenang Anugerah Kualiti Perdana Menteri) pada produknya.

Dr Mahathir kemudiannya merasmikan satu simposium kebangsaan MS ISO 9000 yang dihadiri ketua-ketua jabatan dan agensi kerajaan untuk mengatur strategi dan pendekatan bagi melaksanakan MS ISO 9000 untuk perkhidmatan awam. -- BERNAMA

HS WAT